

RUMUSAN AUDIT

“Mandat dan objektif penubuhan UiTM Holdings **masih belum tercapai** dalam melaksanakan peranan sebagai syarikat pegangan pelaburan dalam syarikat subsidiari. Amalan tadbir urus **kurang memuaskan** manakala kedudukan kewangan Kumpulan **kurang stabil**”

RM124.24 juta

Kos pelaburan dalam syarikat subsidiari setakat tahun 2022

RM111.28 juta

Kerugian terkumpul Kumpulan UiTM Holdings tahun 2022

Pencapaian Output**32% - 46%**

KPI tidak memuaskan (2019 - 2022)

RM64.63 juta (52%)

Penjejasan nilai pelaburan dalam syarikat subsidiari (2022)

Kurang Stabil

Kedudukan kewangan Kumpulan (2019 - 2022)

Pencapaian Keberhasilan

Pulangan dividen kepada UiTM

Belum dapat dinilaiPulangan melalui penjimatan kos tenaga elektrik UiTM
Berkesan**Pengurusan Aktiviti Pelaburan****Suntikan Modal oleh UiTM****RM259.98 juta** suntikan modal tidak dikemukakan untuk kelulusan Menteri Kewangan**Pelaburan dalam Bidang Perniagaan Tenaga**

- Pertukaran syarat nyata tanah kepada kategori industri masih belum diperoleh serta denda dan cukai tanah dikenakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan berjumlah **RM14.69 juta** (UiTM Solar Park I)
- Hakisan tanah di kawasan jana kuasa elektrik solar berskala besar
- Pemasangan conduit kabel yang tidak sesuai (UiTM Solar Park II)
- 41% aduan kecacatan pembinaan solar bumbung masih belum diselesaikan

Hala Tuju Strategik Pelaburan

Penyediaan pelan hala tuju adalah teratur namun masih dalam proses kelulusan Lembaga Pengarah Universiti

Pelaburan dalam Bidang Perniagaan Penjagaan Kesihatan

- Lesen hospital swasta bagi UiTM Private Specialist Centre lewat diperbaharui
- Perkhidmatan doktor pakar tidak mencapai sasaran
- Penggunaan peralatan perubatan utama tidak mencapai sasaran
- Sewaan dan penyenggaraan bangunan hospital tidak cekap
- Pelan hala tuju UiTM Private Specialist Centre masih belum mencapai sasaran

Tadbir Urus Korporat7 daripada 9 elemen **tidak diamalkan** sepenuhnya

Pengerusi

Lembaga Pengarah

Setiausaha Syarikat

Petunjuk Prestasi Utama

Jawatankuasa Audit & Risiko

Audit Dalam

Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan